



**TEKS UCAPAN YAB MENTERI BESAR PERLIS
BERSEMPENA MESYUARAT AGUNG KALI KE 5 PERSATUAN
VETERAN ANGKATAN TENTERA TIDAK BERPENCEN MALAYSIA
(PVATTBM)**

9 SEPTEMBER 2023 (SABTU)

8.30 PAGI

DEWAN SEKOLAH MENENGAH SYED HASSAN, KANGAR

Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

SALAM PERLIS. “RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU”

Terima kasih Tuan/Puan Pengerusi Majlis.

Yang Berbahagia Dato’ Hj. Ismail bin Hj. Abidin

Presiden Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen Malaysia

Yang Berbahagia Mejer Jeneral Zambery Jeffy bin Hj.

Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM.

Serta Semua Barisan Ahli Jawatankuasa Persatuan ,

Hadirin dan hadirat sekalian

- 1. Terlebih** dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya maka kita dapat berkumpul bersama-sama pada **Mesyuarat Agung Kali 5 Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen Malaysia** di pagi yang mulia ini. **Saya** ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah mengundang saya ke majlis ini dan sekaligus meyempurnakan Majlis Perasmian Mesyuarat Agung ini.

2. **Untuk makluman**, ini adalah kali pertama saya diundang untuk merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen ini. **Sebelum** ini saya pernah merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan PVATM pada bulan Julai yang lalu.
3. **Setinggi-tinggi** syabas dan tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa pelaksana dan semua ahli jawatankuasa persatuan dengan komitmen dan dedikasi yang tinggi sehingga mesyuarat ini dapat diadakan pada hari ini. **Harapan** saya semoga mesyuarat ini akan dapat berjalan lancar dengan jayanya.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi Allah.

4. **Saya** difahamkan bahawa PVATTBM merupakan satu persatuan veteran ATM yang sangat komited dalam memberi perkhidmatan kepada veteran yang tidak berpencen. **Setiap** jasa bekas tentera seharusnya diambil peduli. Saya yakin penubuhan persatuan ini dengan mottonya “**BERKHIDMAT, Mencari dan Membantu**” adalah tidak lain untuk memastikan kebajikan Veteran Angkatan Tentera tidak berpencen ini dapat diberi perhatian sewajarnya.
5. **Bukanlah** satu perkara yang mudah untuk mengurus dan mentadbir dalam memastikan Hal Ehwal Kebajikan veteran terus terbela. **Hanya** dengan sikap serta semangat kerja berpasukan sememangnya amat diperlukan dalam sesebuah organisasi bagi memangkin kepada kejayaan dan kecemerlangan.

6. Dalam konteks berpersatuan, penerapan nilai-nilai kualiti dalam menjalankan tugas berpasukan akan menentukan jatuh bangun atau maju mundur sesebuah organisasi. **Justeru itu**, saya percaya PVATTBM ini telah berjaya melakukannya dan menjadi satu persatuan yang unggul dan hebat di Negeri Perlis. **Tahniah** diucapkan kepada **Dato' Hj. Ismail bin Hj. Abidin** selaku Yang Presiden persatuan.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan Ahli Persatuan Veteran ATM sekalian

7. **Saya** ingin menegaskan segala pengorbanan veteran-veteran ATM tidak pernah dilupakan oleh Kerajaan Negeri. **Tanpa** perjuangan tuan-tuan mungkin kita tidak dapat berdiri disini dengan selesa sebagai rakyat sebuah negara yang berdaulat dan aman damai.
8. **Saya** juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan menzahirkan penghargaan khususnya daripada Kerajaan Negeri Perlis kepada veteran ATM yang dengan setulus jiwa raganya mempertahankan maruah negara dari terus tergadai serta mengorbankan usia muda mereka demi keselamatan dan masa depan kita semua.
9. **Saya** percaya komitmen dan sokongan para veteran Angkatan Tentera ini kepada kerajaan dan kepimpinan kekal hingga kini. **Justeru**, ketaatan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi ini akan tepupuk sehinggalah ke generasi berikutnya.

10. **Saya** juga percaya, PVATTBM dibawah kepimpinan YBHG Dato' sentiasa mengambil berat tentang ahli-ahli veteran ATM tidak berpencen ini dan sentiasa membantu ahli-ahli veteran yang mengalami cabaran dan musibah. **Kerajaan Negeri Perlis** juga dengan sedaya upaya akan membantu meringankan beban veteran ATM yang ditimpa bencana mengikut kemampuan Kerajaan Negeri.
11. **Akhir kata**, dikesempatan ini saya ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada semua perwakilan yang hadir sebagai satu penghargaan dan penghormatan buat Tuan-Tuan yang telah bersara dan berbakti secara sukarela dalam memperjuangkan kepentingan persatuan dan ahli-ahlinya, **agar** kebajikan veteran yang kurang bernasib baik terus terbela dan dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dalam menghadapi kehidupan yang penuh cabaran.
12. Akhir kata, dengan lafaz **Seeru Ala Barokatillah**, saya dengan sukacitanya merasmikan **Mesyuarat Agung Kali 5 Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen Malaysia**. Selamat bermesyuarat buat semua Perwakilan.

Sekian, wabillahitaufik wal hidayah wassalamu alaikum wrtbbh.